


BIL. 4 TAHUN 2024

APRIL 2024

BAKUL IHSAN AKRAB MAHKAMAH MELAKA 2024

MELAKA, 29 Februari 2024 – Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Melaka telah memberikan sumbangan Bakul Ihsan kepada kepada tiga kakitangan Mahkamah Negeri Melaka. Yang pertama, berisi buah-buahan untuk diberikan kepada Puan Nurul Diana binti Amir Sharifuddin Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) yang telah selesai menjalani pembedahan akibat sakit *slip disc*. Bakul Ihsan yang kedua pula telah diberikan kepada Puan Hilaliya binti Jaafar, Pembantu Tadbir Kewangan yang telah didiagnosi mengidapi penyakit Leukimia. Manakala, Bakul Ihsan yang ketiga telah diserahkan pada Encik Aidzul bin Zainol Abidin, Pembantu Operasi yang telah ditimpa kemalangan dalam perjalanan ke tempat kerja.

Semoga dengan sumbangan ini dapat mengurangkan kesakitan yang mereka hadapi dan serba sedikit memberi senyuman kegembiraan kepada mereka sekeluarga. Semoga apa yang AKRAB lakukan memberi inspirasi pada semua kakitangan Mahkamah Negeri Melaka untuk sama-sama saling membantu.



BINGKISAN AIDILFITRI 2024 AKRAB MAHKAMAH MELAKA

MELAKA, 28 Mac 2024 – Sempena Hari Nuzul Al-Quran, Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Mahkamah Negeri Melaka telah menjalankan Majlis Serahan Bingkisan Aidilfitri bertempat di Bilik AKRAB Mahkamah Negeri Melaka. Serahan telah disampaikan oleh Puan Elesabet Paya Wan, Pengarah Mahkamah Negeri Melaka dan Puan Rohatul Akmar binti Abdullah, Hakim Mahkamah Sesyen Negeri Melaka. Objektif program diadakan adalah untuk memberi sumbangan kuih raya pada warga mahkamah yang kurang berkemampuan. Seramai 10 orang warga Mahkamah Negeri Melaka yang layak menerima sumbangan tersebut.

Semoga dengan sumbangan Bingkisan Aidilfitri ini memberi kegembiraan dan serba sedikit dapat meringankan beban pada penerima untuk menyambut Aidilfitri tahun ini.

